



PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

**LAPORAN
TAHUNAN
2015**

1.0 *Perutusan Pengerusi*

Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya, saya bagi pihak Ahli-Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP yang berakhir pada **31 Disember 2015**.

Prestasi dan prospek ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun berhadapan persekitaran luar yang mencabar dengan pertumbuhan global sederhana, kejatuhan harga komoditi dan volatiliti atau ketidaktentuan pasaran kewangan. Ia dapat dilihat berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar yang mencatat pertumbuhan 4.5% - 5.5% pada tahun 2015 berbanding tahun 2013 yang telah mencapai 5.6%.

Perubahan struktur yang dilaksanakan dengan mempelbagaikan ekonomi dan memperkukuh sistem kewangan berjaya meletakkan ekonomi negara pada landasan pertumbuhan lebih kukuh serta berdaya tahan dalam menghadapi cabaran luar.

Kestabilan ekonomi negara menjadi tarikan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) khususnya ke Negeri Pahang Darul Makmur dan sekaligus merangsang pertumbuhan ekonomi negeri dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan kesan berganda (*multiplier effect*).

Bagi tempoh 1987 – 2015, terdapat 664 projek yang telah diluluskan lesen pengilang di Pahang dengan keseluruhan nilai pelaburan berjumlah RM41.98 bilion serta mampu menyediakan hampir 89,000 peluang pekerjaan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 12 projek telah diluluskan dengan nilai lebih RM 1 bilion.

Pertumbuhan ekonomi diperlihatkan pada kadar yang lebih sederhana berbanding tahun sebelumnya. Meskipun berdepan dengan kejutan luar yang ketara, sektor perkilangan masih kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan keseluruhan didorong permintaan dalam negeri yang berdaya tahan.

Melalui Insentif Kawasan Kurang Membangun (Less Developed Area), ianya secara secara tidak langsung dapat mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Pahang yang kurang mendapat sambutan pelabur seperti Kawasan Perindustrian Kechau Tui di Lipis dan Kawasan Perindustrian Rompin.

Selari dengan Dasar Perbandaran Negara, PKNP memainkan peranannya dengan memandu dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan perbandaran Negeri Pahang supaya lebih efisien dan sistematik dengan menekankan keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di dalam dan luar bandar.

Pada tahun 2015, PKNP meneruskan tumpuan kepada pembangunan lima (5) projek komersil yang mana tiga (3) daripadanya telahpun memulakan pembinaan pada suku keempat tahun 2014 manakala dua (2) projek dilaksanakan dalam tahun 2015. Di samping itu, pembangunan projek-projek sosio ekonomi yang sedia ada diteruskan.

Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, PKNP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak (RM5.89 juta) berbanding dengan pencapaian sebanyak RM14.68 juta bagi tahun sebelumnya. Keuntungan yang dicatatkan di peringkat kumpulan adalah sebanyak (RM17.33 juta) pada tahun 2015 berbanding dengan RM0.77 juta bagi tahun sebelumnya. Kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan bagi tahun 2015 dan 2014 adalah seperti di bawah:-

Ringkasan Penyata Pendapatan bagi tahun 31 Disember 2015

	<u>Kumpulan</u>		<u>Perbadanan</u>	
	2015	2014	2015	2014
	(RM Juta)		(RM Juta)	
Perolehan	226.35	288.71	46.58	84.04
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	(27.51)	18.29	(4.30)	24.16
Cukai	(4.76)	(13.92)	(1.59)	(9.48)
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai	(32.27)	4.38	(5.89)	14.68
Kepentingan minoriti	14.94	(3.61)	-	-
Keuntungan/(kerugian) Bersih tahun semasa	(17.33)	0.77	(5.89)	14.68

Sektor Korporat

Sektor korporat diterajui oleh anak-anak syarikat PKNP iaitu Pasdec Holdings Berhad (PASDEC), Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB) dan BCIC Holdings Sdn. Bhd. Pencapaian anak-anak syarikat PKNP pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti jadual di bawah:-

Anak Syarikat	Pendapatan (RM 'Juta)		Untung/Rugi (RM 'Juta)	
	2015	2014	2015	2014
PASDEC	198.70	2.096	(5.24)	5.077
RTSB	10.99	11.620	(0.06)	0.056
BCIC	1.40	0.964	(0.08)	0.114
RTDE	3.72	4.85	0.66	3.08
PKNP AGRO	2.01	0.09	(0.70)	0.12
PKNP MINERAL	0.32	1.44	(0.06)	1.06

Prospek & Perancangan Masa Depan

PKNP akan meneruskan usaha-usaha untuk membangunkan sektor perindustrian dan perbandaran negeri sebagai pemangkin (catalyst) kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi serta peluang pekerjaan.

Dalam sektor perlombongan, PKNP giat mengenalpasti beberapa kawasan baru untuk meningkatkan lagi pendapatan untuk masa akan datang dan akan diusahakan secara usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan.

Bagi tempoh 2016-2020, PKNP juga telah menetapkan Perancangan Strategik jangka panjang untuk memberi fokus kepada pelaksanaan strategi-strategi berikut:

Pelan Strategik Jangka Pendek, 2016-2017

- o Memastikan tahap kecairan dipertingkatkan bagi menstabilkan kedudukan kewangan PKNP
- o Penyelesaian obligasi kewangan PKNP menerusi pelaksanaan Pelan Rasionalisasi
- o Pengambilalihan aset-aset anak syarikat menerusi penyelesaian kontra hutang antara syarikat

Pelan Strategik Jangka Sederhana & Panjang, 2018-2020

- Meneruskan usaha-usaha ke arah pengukuhan kedudukan kewangan PKNP agar terus stabil
- Memastikan sektor perindustrian dan hartanah akan terus menjadi penyumbang utama aktiviti ekonomi PKNP
- Mengoptimalkan pulangan pelaburan (ROI) daripada aktiviti komersil menerusi kawal selia dan pemantauan secara berkesan
- Meneroka bidang ekonomi dan kegiatan baru yang berupaya menjana sumber pendapatan masa depan yang stabil kepada PKNP
- Pelaksanaan tanggungjawab sosial menerusi program pembangunan komuniti dan program keusahawanan.

Penghargaan

Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Ahli-Ahli Perbadanan, pihak pengurusan dan seluruh anggota pekerja Kumpulan PKNP yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan amanah sepanjang tahun 2015 dengan harapan agar tahun 2016 akan terus menjanjikan kejayaan dan kecemerlangan kepada organisasi.

Sekian, wassalam,

Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SSAP., DSAP., DGSM.

Pengerusi

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

LAPORAN PENGURUSAN

Laporan Pengurusan bagi tahun 2015 mengikut sektor adalah seperti berikut:-

1.0 SEKTOR PERINDUSTRIAN

Dalam menghadapi cabaran pertumbuhan ekonomi, usaha berasaskan strategi industrialisasi yang 'outward-looking' dan produktif akan terus dipergiat untuk memastikan Pahang terus menjadi destinasi pelaburan asing dan sekaligus menjamin keseimbangan ekonomi. Meskipun terkesan dengan tekanan ekonomi global masa kini, sektor pembuatan terus menjadi pilihan pelabur untuk melabur di negara ini serta kekal menjadi penyumbang utama ekonomi negara.

Sepanjang tempoh **Januari – Disember 2015**, bilangan projek yang telah mendapat kelulusan lesen pengilang oleh MITI di Negeri Pahang adalah sebanyak **12 projek** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM1.073 billion**. Melalui sektor ini, sebanyak **477** peluang pekerjaan dijangkakan akan diwujudkan.

Daripada jumlah tersebut, nilai pelaburan langsung domestik (DDI) mencatatkan jumlah sebanyak **RM0.303 billion** manakala nilai pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah **RM0.770 billion**.

Pada 6 April 2015, kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif baru di bawah Bajet Negara 2015 bagi mengawal impak terhadap perubahan iklim ekonomi ketika itu. Salah satu insentif yang telah diperkenalkan adalah Insentif Kawasan Kurang Membangun (Less Developed Area) yang mana melalui insentif ini, pelepasan cukai 100% untuk tempoh hingga 15 tahun diberikan kepada syarikat pelabur yang melaksanakan kegiatan pembuatan/perkilangan atau perkhidmatan di kawasan kurang membangun di Malaysia. Inisiatif ini merupakan galakan kepada pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif, terutama di kawasan-kawasan perindustrian kurang maju seluruh negara.

Bil	Cadangan Projek	Komponen Pembangunan	Status 2015
1.	Perumahan Bandar Baru Chendor Fasa III (Baru)	Rumah Berkembar - 20 Unit Rumah Teres - 22 Unit	Permohonan tanah masih di peringkat PTD. Projek dijangkakan dilaksanakan pada tahun 2016
2.	Perumahan Jerantut Fasa 2 (Sambungan)	Rumah Teres - 21 Unit Rumah Berkembar - 60 Unit Rumah Sebuah - 3 Unit	Kerja-kkerja tanah telah siap sepenuhnya dan penyediaan infrastruktur seperti loji rawatan kumbahan dan sub station TNB telah mencapai kemajuan 84% . Manakala pembinaan fizikal perumahan telah dimulakan pada 22.10.2014 dan kemajuan di tapak telah mencapai 45%.
3.	Perkedaian Jerantut Fasa 2 (sambungan)	Kedai 2 Tingkat - 15 Unit Kedai 3 Tingkat - 8 Unit	Pembinaan telah dimulakan pada 17.10.2014 dan kemajuan kerja-kkerja di tapak telah mencapai 50%.
4.	Perumahan Chemperoh (sambungan)	Rumah Teres - 25 Unit Rumah Berkembar - 8 Unit	Keja-kkerja tanah telah siap manakala pembinaan tangki air telah mencapai kemajuan 95%. Pembinaan Fizikal perumahan telah dimulakan pada 24.12.2014 dan kemajuan kerja-kkerja di tapak telah mencapai 26%.
5.	Perumahan Berchang Fasa 1, Lipis (Baru)	Rumah Teres - 20 Unit	Projek ditangguhkan kerana permohonan tanah masih di peringkat PTG

3.0 PROJEK SOSIO-EKONOMI

Sejumlah RM500,000.00 siling peruntukan geran telah diluluskan melalui Kementerian Kewangan Malaysia bagi tahun 2015 di bawah Rancangan Malaysia ke 10 (RMK10). Peruntukan yang diluluskan ini adalah bagi membiayai projek sambungan tahun 2014 untuk perolehan perabut dan kelengkapan di mana prestasi perbelanjaan keseluruhan siling peruntukan tahun 2015 adalah 100% sepertimana maklumat berikut:

Bil	Projek	Geran / Pinjaman	Jumlah terimaan (RM)	Status
1	Medan Dagangan Tenun Pahang Diraja Kampung Soi Kuantan	Geran	500.000.00	Pembinaan Fizikal siap 90% pada 31.12.2015

4.0 SEKTOR KEUSAHAWANAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Sepanjang tahun 2015, PKNP meneruskan pelaksanaan program-program keusahawanan yang bertujuan untuk:-

- Meningkatkan kualiti usahawan Bumiputera serta meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam pelbagai bidang.
- Mewujudkan satu rangkaian (networking) usahawan yang mampu saling bekerjasama.
- Mewujudkan usahawan baru yang lebih berdaya saing dan berdaya maju.
- Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada Bumiputera tempatan.
- Membudayakan masyarakat desa dalam keusahawanan di samping meningkatkan pendapatan isi rumah.
- Menyemai semangat berniaga kepada golongan remaja sebagai langkah ke arah memperkasa Masyarakat Perdagangan & Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Mesyuarat Jawatankuasa Keusahawanan, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Pahang 2015 memutuskan supaya PKNP dilantik mengetuai sektor Latihan Keusahawanan dan Premis Perniagaan. PKNP turut diberi peranan untuk melaksanakan program promosi produk IKS, program keusahawanan dan database serta melakukan R & D produk IKS. Di samping itu, aktiviti seperti karnival usahawan, latihan dan seminar serta pembudayaan keusahawanan turut dilaksanakan.

Sepanjang tahun 2015, PKNP turut terlibat secara langsung menguruskan penyertaan usahawan dalam Program Satu Daerah Satu Industri, MIHAS, Malaysian International Food and Beverages Trade Fair, Karnival Usahawan, Program Transformasi Usahawan KDM dan Program Komuniti.

Program Tunas Niaga (PROTUNE) yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah diteruskan. Pada tahun 2015, PROTUNE Pahang telah mendapatkan Naib Johan di Konvensyen PROTUNE Peringkat Nasional 2015 yang berlangsung pada 11 hingga 14 Mac 2016 di Ipoh, Perak.

5.0 SEKTOR PELABURAN

Projek-projek yang dilaksanakan dalam tahun 2015 di bawah program pelaburan yang dikendalikan oleh PKNP adalah seperti pertanian, akuakultur, pelancongan dan perlombongan. Projek pelaburan ini memberi sumber pendapatan tambahan kepada PKNP seperti berikut:

5.1 Pertanian

PKNP terlibat secara serius dalam bidang pertanian khususnya tanaman kelapa sawit bermula pada tahun 2010. Ladang PKNP di Ganchong, Jerantut dan Sembayan diuruskan oleh PKNP Agro Tech Sdn Bhd, anak syarikat PKNP.

Pada tahun 2015, ladang Ganchong seluas 4,770 telah mula mengeluarkan hasil sebanyak 1,990.24 metrik tan. Manakala ladang di Jerantut dan Sembayan masih dalam peringkat penyediaan tapak semaian.

5.2 Penternakan

a. Akuakultur

PKNP terlibat dalam bidang penternakan dengan menyewakan tanah yang mempunyai kolam dan juga tanah kosong bagi tujuan diusahakan oleh pengusaha-pengusaha akua yang berpotensi.

b. Ayam Pedaging

Aktiviti penternakan ayam pedaging secara "contract farming" diteruskan oleh PKNP melalui anak syarikatnya Rumpun Timur Sdn Bhd terlibat. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 18 reban telah beroperasi sepenuhnya dengan pendapatan yang dicatatkan RM10.5 juta berbanding RM11.62 juta pada tahun sebelumnya.

5.3 Pelancongan

Penglibatan PKNP di dalam sektor pelancongan ini adalah melalui pelaburan didalam Lanjut Golf Resort, Selesa Health Farm dan juga Vistana Hotel, Kuantan. PKNP mempunyai 15% pegangan saham dalam Summerset Resort dan juga Lanjut Golf Resort. Manakala pegangan saham bagi Selesa Health Farm di Bukit Tinggi, Bentong sebanyak 24% dan 14% di Vistana Hotel.

5.4 Perlombongan

PKNP juga menceburi secara aktif dalam aktiviti carigali dan perlombongan yang diuruskan oleh anak syarikat, PKNP Mineral Industries Sdn Bhd. Sepanjang tahun 2015, sebanyak tujuh projek perlombongan beroperasi dengan aktif dan telah mencatatkan jumlah kutipan kira-kira RM6 juta yang melibatkan sumber galian seperti emas di Raub, emas dan bijih besi di Bukit Ibam, bijih timah di Sungai Lembing, Kuantan dan manganese di Chini.

Di samping itu, kawasan-kawasan baru telahpun dikenalpasti untuk dipohon bagi meningkatkan lagi pendapatan PKNP untuk masa akan datang.

6.0. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Sehingga Disember 2015, jumlah keseluruhan anggota pekerja PKNP adalah seramai 155 orang.

Tahap kompetensi setiap anggota pekerja terus diberi tumpuan dalam pembangunan sumber manusia dengan merangka program-program latihan berbentuk kursus atau bengkel untuk memastikan setiap anggota pekerja di organisasi ini cekap, berkualiti dan dinamik. Sepanjang tahun 2015, sebanyak tujuh kursus secara dalaman telah diadakan yang melibatkan kos berjumlah RM70,000.00 manakala PKNP turut membelanjakan kira-kira RM80,000.00 untuk anggota pekerja mengikuti kursus anjuran pihak luar.

Kesejahteraan dan kebajikan anggota pekerja turut diberi perhatian utama. Bagi tahun 2015, PKNP telah membelanjakan kira-kira RM350,000.00 untuk kos perubatan anggota pekerja termasuk ahli keluarga di bawah tanggungannya. Di samping itu, PKNP turut menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000.00 untuk kos rawatan bagi pesara PKNP.

Aktiviti lain yang turut diberi perhatian serius, melakukan pemantauan ke atas penggunaan sistem HRMIS di PKNP secara berkala bagi memastikan pelaksanaannya mengikut perancangan kerajaan.

Untuk meningkatkan integriti dan budaya kerja cemerlang anggota pekerja, program-program Pemantapan Budaya PKNP telah diperkemas dan dilaksanakan sepertimana perancangan. Selain itu, penganjuran kursus-kursus juga diteruskan berdasar "Training Need Analysis".

Dalam tahun yang dilaporkan, PKNP telah memperkenalkan "*Workload Asesment System*" untuk tujuan menganalisa bebanan anggota pekerja dan pada ketika yang sama membantu perancangan sumber manusia yang lebih baik pada masa akan datang.

7.0. SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sehingga tahun 2015, PKNP telah berjaya mengekalkan rekod tanpa ketidakpatuhan dan disyorkan supaya pensijilan ISO 9001:2008 disambung dan sah sehingga 6 Disember 2016 tanpa pindaan setelah pihak SIRIM berpuashati dengan hasil audit pemantauan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PKNP yang dijalankan pada 20 hingga 22 Januari 2016.

Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000 mula dilaksanakan di PKNP sejak tahun 1997 Skop pelaksanaan SPK PKNP mencakupi keseluruhan aktiviti utama organisasi iaitu Pembangunan dan Promosi Perindustrian, Pembangunan Projek Komersil, Pembangunan Projek Sosio-Ekonomi, Pembangunan Keusahawanan Bumiputera, Pemantauan Pelaburan dan Perkhidmatan Korporat.

8.0. AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S

PKNP mula melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S pada akhir tahun 2009 dan berjaya memperolehi persijilan pada 26 April 2010. Audit oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 7 November 2014 telah memperakukan Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S PKNP diperbaharui dan sah sehingga 06 November 2015

Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan satu persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan produktif serta dapat membina budaya kerja yang cemerlang dan sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan demi kepuasan pelanggan

Sepanjang tahun 2015, pemantauan secara berkala dilakukan untuk memastikan 5S menjadi amalan yang berterusan oleh setiap anggota kerja supaya objektif QE/5S PKNP dapat direalisasikan.

Objektif QE/5S PKNP dikekalkan sepertimana berikut:

- Memastikan Kutipan Jualan Tanah Industri Mencapai 100%.
- Memastikan Kutipan Sewa Premis PKNP Mencapai 90%.
- Memastikan Pensijilan ISO Diperbaharui Tanpa Syarat.
- Melaksanakan Penjimatan Sekurang-Kurangnya RM50,000.00 Setahun.

- Memastikan Kepuasan Pelanggan Terhadap Produk Dan Perkhidmatan PKNP Melebihi 90%.
- Meningkatkan Tahap Persepsi Anggota Pekerja Mengenai Keselamatan Pejabat Sebanyak 80%.
- Memastikan Persekitaran Tempat Kerja Berada Dalam Keadaan Kondusif
- Memastikan Penglibatan Anggota Pekerja Dalam Program PKNP Melebihi 70%.

9.0 INOVASI

Agenda inovasi di PKNP menggunakan pendekatan Amalan Pengurusan Lean yang memberi penekanan kepada usaha-usaha mengenalpasti dan menyingkirkan pembaziran dalam proses kerja. Kaedah ini juga merupakan ruang untuk melakukan pembaharuan/penambahbaikan proses kerja yang sedia ada di samping memberi tumpuan kepada perubahan berasaskan R & D.

Sambutan Hari Inovasi PKNP yang bertemakan ***Gerakan Lean Transformasi Kecemerlangan*** telah diadakan pada 11 November 2015. Penganjuran program ini bertujuan untuk memastikan budaya inovasi yang merupakan teras kepada sistem penyampaian yang lebih inovatif menjadi amalan setiap anggota pekerja PKNP. Untuk menerap budaya inovasi, pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang tahun 2015 antaranya pembentangan projek Pengurusan Lean secara berkala di samping pertandingan yang menjuruskan kepada usaha meningkatkan kreativiti anggota pekerja.

PKNP telah menerima anugerah “Perak” Lean Management Recognition of Practice setelah pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melakukan audit pada 13 Ogos 2015. Pensijilan sah untuk tempoh 15 September 2015 hingga 14 September 2017.

Sebagai agensi yang mempelopori Pengurusan Lean untuk sektor awam secara *organization wide*, PKNP telah menjadi organisasi rujukan/*benchmark* kepada jabatan/agensi kerajaan seluruh negara.

Sepanjang tahun 2015, PKNP telah menerima kunjungan empat organisasi yang bertujuan untuk mempelajari/melihat dengan lebih jelas pelaksanaan Amalan Pengurusan *Lean* di PKNP.

10.0 LAPORAN PENGURUSAN / PRESTASI PENCAPAIAN ICT

Bagi tahun 2015, aktiviti ICT PKNP adalah tertumpu kepada kajian dan cadangan menyelesaikan isu pembangunan Sistem Pengurusan Kewangan di samping membuat penambahbaikan sistem aplikasi yang sedia ada serta semakan ke atas pencapaian Portal PKNP melalui kaedah penilaian sendiri bagi memenuhi kriteria ProBE 2015 yang telah ditetapkan oleh pihak MDEC dan MAMPU.

Selain membuat kajian semula ke atas borang permohonan jawatan dan laporan permohonan supaya memenuhi perubahan yang diperlukan oleh pengurusan PKNP, Bahagian ICT turut bertindak sebagai Pentadbir Sistem HRMIS yang dipantau penggunaannya di PKNP oleh Bahagian Khidmat Pengurusan.

Untuk memenuhi keperluan GST yang berkuatkuasa mulai April 2015, Sistem AMS dan Sistem Tempahan Fasiliti telah dibuat semakan untuk tujuan penambahbaikan. Bahagian ini juga memberikan khidmat nasihat kepada anak-anak syarikat PKNP berkaitan penggantian/naiktaraf sistem perakaunan berkomputer yang memenuhi keperluan GST.

Aktiviti seperti penggantian alat sistem komputer mengikut keperluan, kajian sistem akan datang dan semakan serta pemantauan penggunaan kemudahan internet dan sistem keselamatan ICT PKNP masih diteruskan.

Sistem keselamatan internet telah diambilalih oleh Firewall yang dibekalkan oleh pembekal yang dilantik oleh MAMPU. PKNP juga telah menerima 1 unit core switch daripada pihak MAMPU bagi menggantikan core switch yang sedia ada. Ianya adalah sebahagian daripada projek pematuhan dan kesediaan IPv6 yang sedang dilaksanakan oleh MAMPU.

11.0 LAPORAN KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP 2015

Kelab Keluarga Kumpulan PKNP adalah berperanan untuk mengeratkan semangat kerjasama dan merapatkan hubungan silaturrahim dikalangan ahli-ahli kelab melalui program/aktiviti kebajikan anggota kakitangan Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Jumlah keahlian yang berdaftar sehingga 31 Disember 2015 adalah seramai 430 orang.

Pada tahun ini, Kelab Keluarga Kumpulan PKNP telah berjaya melaksanakan dan mengendalikan beberapa program/aktiviti besar seperti Majlis Tahliil Sempena Sambutan Bulan Ramadhan Al Mubarak, Majlis Berbuka Puasa dan Tazkirah Ramadhan .

Selain daripada itu, program keagamaan seperti Ceramah Agama, kelas Tajwid dan Kelas Mengaji Al-Quran diteruskan seperti biasa oleh Biro Agama manakala Biro Kebajikan pula terus memberikan tumpuan kepada aktiviti kebajikan ahli, menyelaras bantuan untuk keluarga bekas ahli yang telah kembali ke Rahmatullah dan sumbangan kepada ahli yang "warded".

Aktiviti untuk anak-anak ahli kelab juga diadakan dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan Matematik dan Bahasa Inggeris khusus untuk persediaan peperiksaan UPSR dan mengadakan lawatan sambil belajar dilaksanakan oleh Biro Pendidikan & Rekreasi.

Biro Sukan telah berjaya mengadakan kejohanan tertutup bagi acara Golf, Boling, Badminton, Karom, Bola Jaring dan Futsal untuk ahli-ahli kelab. Biro Kembara pula lebih fokus kepada aktiviti-aktiviti lasak, gotong royong dan bantuan kebajikan yang melibatkan ahli-ahli kelab.

Secara keseluruhannya melalui program/aktiviti yang telah dianjurkan berjaya merapatkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan anggota pekerja Kumpulan PKNP dan dalam waktu yang sama menjadi platform untuk mewujudkan hubungan dengan jabatan/agensi kerajaan dan swasta sekitar Pahang.

12.0. Kalendar Aktiviti 2015

- i. Perhimpunan Awal Tahun PKNP 2015 pada 7 Januari 2015 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.
- ii. Pelancaran Sambutan 50 Tahun PKNP oleh Y.A.B. Menteri Besar Pahang pada 2 Februari 2015 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.
- iii. Lawatan Menteri Perdagangan & Industri Botswana Honourable Minister Vincent Seretse dan Delegasi ke PKNP pada 10 Februari 2015.
- iv. Majlis Hari Pekerja Sempena Sambutan 50 Tahun PKNP 2015 Bersama Y.A.B. Menteri Besar Pahang pada 12 Mei 2015 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.
- v. Program Larian Tangga Sempena Sambutan 50 Tahun PKNP pada 17 Mei 2015 di Kompleks Teruntum
- vi. Program Bersama Masyarakat Janda Baik, Bentong pada 4 & 5 Jun 2015 di Janda Baik, Bentong.
- vii. Majlis Berbuka Puasa Bersama Y.A.B. Menteri Besar Pahang pada 6 Julai 2015 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.
- viii. Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1436 Hijrah pada 6 Ogos 2015 di Dewan EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.
- ix. Forum Perdana Sempena Sambutan 50 Tahun PKNP pada 29 Oktober 2015 di RTM Pahang.
- x. Hari Inovasi PKNP 2015 pada 11 November 2015 di Dewan EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.
- xi. Majlis Graduasi Program Eksekutif Pelatih PKNP Siri III pada 7 Disember 2015 di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.
- xii. Majlis Makan Malam Sempena Sambutan 50 Tahun PKNP pada 27 Disember 2015 di Zenith Hotel



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG



SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001
Registration No: AR 1590


Laporan dan Penyata Kewangan 2015

"Menggerak Membina Kemakmuran"



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965 (Bil. 12 Tahun 1965). Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965 (Bil. 12 Tahun 1965), saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i) Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 19 (1), Enakmen tersebut;
- ii) Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan
- iii) Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.




(DATO' MUSTAFA BIN HAJI SAMAN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

3 OGOS 2016




PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA AHLI PERBADANAN


Kami, DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB dan DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN MOHD ALI, dua daripada Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 3 hingga 59 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan MASB Berkenaan yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan Perbadanan dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan hasil serta aliran tunai Perbadanan dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Perbadanan menurut resolusi para pengarah.



DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI
YAAKOB

Pengerusi



DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN
MOHD ALI

Ketua Pegawai Eksekutif


Bertarikh: **27 APR 2016**
Kuantan

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

AKUAN BERKANUN

Saya, DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN MOHD ALI, Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 3 hingga 59, pada pendapat saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.


Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN MOHD ALI yang tersebut di atas di Kuantan dalam Negeri Pahang Darul Makmur pada **27 APRIL 2016**



DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN
MOHD ALI
Ketua Pegawai Eksekutif

Di hadapan saya:

Pesuruhjaya Sumpah



203, Tingkat 2, Blok A, Kuantan Centre Point
25000 Kuantan, Pahang

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	Kumpulan		Perbadanan	
		2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pendapatan	4	226,354,534	288,713,741	46,582,483	84,044,870
Kos jualan		(153,813,184)	(183,299,627)	(9,426,526)	(12,198,594)
Keuntungan kasar		72,541,350	105,414,114	37,155,957	71,846,276
Lain-lain pendapatan kendalian		11,922,139	21,888,033	6,258,291	11,757,622
Belanja pengurusan		(40,241,781)	(39,227,358)	(16,612,342)	(15,749,639)
Lain-lain belanja kendalian		(53,406,975)	(49,259,906)	(19,462,524)	(28,944,355)
(Kerugian)/keuntungan daripada kendalian	5	(9,185,267)	38,814,883	7,339,382	38,909,904
Kos kewangan	6	(18,167,199)	(20,418,976)	(11,638,692)	(14,749,822)
Bahagian kerugian dari syarikat bersekutu		(153,787)	(101,427)	-	-
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai		(27,506,253)	18,294,480	(4,299,310)	24,160,082
Cukai:					
Syarikat dan subsidiari-subsidiari		(4,760,382)	(13,917,647)	(1,594,357)	(9,480,748)
Syarikat-syarikat bersekutu		-	-	-	-
	7	(4,760,382)	(13,917,647)	(1,594,357)	(9,480,748)
(Kerugian)/keuntungan selepas cukai		(32,266,635)	4,376,833	(5,893,667)	14,679,334
Kepentingan minoriti		14,940,306	(3,605,680)	-	-
(Kerugian)/keuntungan bersih bagi tahun semasa		(17,326,329)	771,153	(5,893,667)	14,679,334

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

		Kumpulan		Perbadanan	
		2015	2014	2015	2014
	Nota	RM	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	8	186,348,454	116,799,031	102,918,414	80,244,531
Tanah untuk pembangunan	9(a)	266,652,976	245,342,819	43,394,101	57,299,162
Subsidiari-subsidiari	10	-	-	139,632,274	136,184,367
Syarikat-syarikat bersekutu	11	15,936,651	20,357,461	4	-
Lain-lain pelaburan	12	49,713,155	50,813,315	49,168,894	49,724,928
Aset cukai tertunda	27	7,631,814	7,459,433	-	-
Muhibah atas penyatuan	13	-	-	-	-
		526,283,050	440,772,059	335,113,687	323,452,988

ASET SEMASA

Kos pembangunan hartanah	9(b)	233,107,772	252,105,825	76,733,609	86,396,114
Inventori	14	156,075,781	165,674,833	70,549,738	76,448,815
Penghutang perdagangan	15	115,262,513	138,400,705	40,356,592	51,049,636
Lain-lain penghutang	16	30,128,652	33,243,180	7,892,311	8,274,115
Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan	18	3,434,111	2,167,505	128,538,020	93,153,998
Pelaburan semasa	19	1,430,958	1,431,119	1,430,958	1,431,119
Wang tunai dan baki di bank	20	67,848,071	80,842,972	28,912,297	59,003,108
Cukai pra bayar		<u>2,106,189</u>	<u>3,815,309</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
		<u>609,394,047</u>	<u>677,681,448</u>	<u>354,413,525</u>	<u>375,756,905</u>

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

LEMBARAN IMBANGAN (SAMB.)
PADA 31 DISEMBER 2015

		Kumpulan		Perbadanan	
		2015	2014	2015	2014
	Nota	RM	RM	RM	RM
LIABILITI SEMASA					
Tanggungan manfaat persaraan		674,954	358,823	-	-
Pinjaman jangka pendek	24	52,714,693	60,852,720	1,238,970	3,209,558
Pinjaman kerajaan jangka pendek	26	16,315,305	8,157,652	16,315,305	8,157,652
Peruntukan untuk liabiliti		624,054	755,654	624,054	755,654
Pemiutang perdagangan		69,844,757	62,638,685	9,452,088	6,046,687
Lain-lain pemiutang		91,072,526	85,628,617	41,326,557	36,165,087
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan cukai	21	10,000,185	7,008,517	295,049	432,559
		18,607,907	28,449,805	18,439,566	27,768,980
		259,854,381	253,850,473	87,691,589	82,536,177
ASET SEMASA BERSIH					
		349,539,666	423,830,975	266,721,936	293,220,728
		875,822,716	864,603,034	601,835,623	616,673,716
DIBIYAI OLEH:					
Pemberian kerajaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
Lain-lain rizab	22	2,252,604	(11,717,578)	-	-
Simpanan modal	23	2,068,701	2,068,701	2,068,701	2,068,701
Keuntungan terkumpul		187,890,988	205,975,876	166,042,069	171,935,736
Ekuiti para pemegang saham		194,712,293	198,826,999	170,610,770	176,504,437
Kepentingan minoriti		153,758,417	164,161,897	-	-
		348,470,710	362,988,896	170,610,770	176,504,437
Tanggungan manfaat persaraan		5,078,078	5,373,246	-	-
Pinjaman jangka panjang	24	281,182,664	258,676,467	200,000,000	212,264,234
Pinjaman kerajaan jangka panjang	26	157,298,282	164,601,637	157,298,282	164,601,637
Lain-lain pemiutang		7,866,188	8,157,693	-	-
Akaun amanah jangka panjang		4,749,000	4,749,000	4,749,000	4,749,000
Pendapatan tertunda		69,068,574	58,468,413	69,068,574	58,468,413
Liabiliti cukai tertunda	27	2,109,220	1,587,682	108,997	85,995
Liabiliti bukan semasa		527,352,006	501,614,138	431,224,853	440,169,279
		875,822,716	864,603,034	601,835,623	616,673,716

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan Modal RM (Nota 23)	Lain-lain Rizab RM (Nota 22)	Keuntungan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2014	2,500,000	2,068,701	(9,086,995)	205,204,723	200,686,429
Perbezaan pertukaran	-	-	(1,066,246)	-	(1,066,246)
Dihasilkan dalam tahun semasa	-	-	(1,564,337)	-	(1,564,337)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	-	771,153	771,153
Pada 31 Disember 2014	<u>2,500,000</u>	<u>2,068,701</u>	<u>(11,717,578)</u>	<u>205,975,876</u>	<u>198,826,999</u>
 Pada 1 Januari 2015	 2,500,000	 2,068,701	 (11,717,578)	 205,975,876	 198,826,999
Perbezaan pertukaran	-	-	(851,967)	-	(851,967)
Dihasilkan dalam tahun semasa	-	-	14,822,149	-	14,822,149
Kerugian bersih bagi tahun semasa	-	-	-	(17,326,329)	(17,326,329)
Dividen	-	-	-	(758,559)	(758,559)
Pada 31 Disember 2015	<u>2,500,000</u>	<u>2,068,701</u>	<u>2,252,604</u>	<u>187,890,988</u>	<u>194,712,293</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI PERBADANAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan Modal RM (Nota 23)	Keuntungan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2014	2,500,000	2,068,701	157,256,402	161,825,103
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	14,679,334	14,679,334
Pada 31 Disember 2014	<u>2,500,000</u>	<u>2,068,701</u>	<u>171,935,736</u>	<u>176,504,437</u>
Pada 1 Januari 2015	2,500,000	2,068,701	171,935,736	176,504,437
Kerugian bersih bagi tahun semasa	-	-	(5,893,667)	(5,893,667)
Pada 31 Disember 2015	<u>2,500,000</u>	<u>2,068,701</u>	<u>166,042,069</u>	<u>170,610,770</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN				
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai	(27,040,974)	18,294,480	(2,734,032)	24,160,082
Pelarasan bagi:				
Susutnilai	7,796,399	8,246,080	4,958,090	5,522,897
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan	(1,423,925)	(932,022)	-	-
Pelarasan aset tetap	129,581	300,000	-	-
Keuntungan projek usahasama	-	(378,075)	-	-
Faedah sewabeli	4,191	2,038	-	-
Penghapuskiraan kos pembangunan	208,810	609,831	-	-
Bahagian kerugian syarikat bersekutu	153,787	101,427	-	-
Keuntungan dari pelaburan portfolio	-	-	-	6,385,570
Peruntukan rosotnilai lain-lain pelaburan	-	6,385,711	-	6,385,711
Peruntukan rosotnilai dalam pelaburan syarikat bersekutu dibaikpulih	(524,480)	436,500	-	3,004,641
Peruntukan rosotnilai inventori dibaikpulih	(189,569)	(50,829)	-	-
Terlebih peruntukan pampasan ketidakhadiran dalam tahun-tahun lepas	-	(645,289)	-	-
Pelunasan geran modal tertunda	-	(449,840)	-	-
Peruntukan faedah persaraan, bersih	595,246	669,979	-	-
Peruntukan hutang ragu	11,394,648	11,411,322	5,997,067	6,720,247
Peruntukan hutang ragu dibaikpulih	(1,534,198)	(2,677,196)	(767,099)	(2,677,196)
Peruntukan rosotnilai dalam pelaburan subsidiari dipulihkan	-	-	-	3,004,641
Peruntukan gantirugi yang ditetapkan	2,999,423	-	-	-
Hutang ragu dibaikpulih	-	(902,310)	-	-
Pelunasan geran	(2,787,788)	9,330,269	(2,787,788)	9,330,269
Pendapatan dividen	(197,485)	(483,255)	(166,651)	(46,430)
Pendapatan faedah	(1,187,010)	(483,255)	(593,505)	(436,825)
Penalti cukai	117	16,600	-	-
Pertukaran asing belum realisasi	1,303,138	-	-	-

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Pelarasan bagi (samb.):				
